

Ms.6

Isnin, 7 Ogos 2017 BH

→ EHWAL PENGGUNA

ANGKASA yakin mampu urus KR1M

→ Koperasi ada segala kemudahan kendali urus niaga peruncitan

Oleh Rohaniza Idris dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) mahu kerajaan menyerahkan kepada 13,428 koperasi di seluruh negara mengendalikan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata sebagai badan induk gerakan koperasi di negara ini, ANGKASA yakin semua koperasi itu mampu mengendalikan KR1M kerana ketika ini kebanyakan koperasi sudah pun menjalankan perniagaan peruncitan.

Katanya, segala kemudahan dan syarat yang diperlukan untuk mengendalikan KR1M sudah tersedia dan hanya perlu memasukkan produk yang ingin dijual ke dalam koperasi mereka.

"Bagaimanapun, kami berharap kaedah pelaksanaan KR1M 2.0 dapat ditambah baik dan mengambil pengajaran daripada kelemahan pada KR1M pertama supaya masalah sama tidak berulang," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata cadangan pelaksanaan KR1M 2.0 sudah dipersejui Kabinet.

Hamzah dilapor berkata, pengumuman lanjut dan pelancaran program yang bertujuan memberi pilihan kepada rakyat memperoleh barang berkualiti pada harga berpututan itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam tempoh terdekat.

Jamin harga lebih rendah

Abdul Fattah memberi jaminan harga ditawarkan koperasi yang menyertai KRIM 2.0 lebih rendah berbanding harga pasaran kerana koperasi mementingkan kebijakan ahli berbanding keuntungan maksimum.

Beliau menegaskan konsep kedai yang ingin diketengahkan lebih kepada kedai serbaneka, bukannya pasar mini kerana koperasi membuka perniagaan mengikut keperluan ahli termasuk di ceruk kampung dan kawasan pedalaman.

"Kami optimis dengan keupayaan koperasi mengendalikan KR1M selain jaminan tidak menghadapi masalah untuk mendapat-



Kami berharap kaedah pelaksanaan KR1M 2.0 dapat ditambah baik dan mengambil pengajaran daripada kelemahan pada KR1M pertama supaya masalah sama tidak berulang"

Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA

kan pelanggan kerana kita mempunyai 8 juta ahli iaitu hampir suku penduduk Malaysia.

"Kita juga berharap jika boleh rangkaian pengedaran untuk barang keperluan yang mahu dijual di koperasi diserahkan kepada koperasi atau gabungannya secara keseluruhannya.

"Ini penting bagi membolehkan koperasi mendapatkan harga yang rendah tanpa orang tengah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman mencadangkan supaya diperkenalkan perbezaan harga antara rakyat tempatan dengan warga asing di KR1M bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia berbelanja di situ.

Namun, katanya, warga asing tidak boleh disalahkan berbelanja di KR1M kerana rakyat tempatan sendiri tidak mahu mengambil kesempatan dengan kemudahan disediakan kerajaan itu.

Beliau juga berharap supaya hanya koperasi yang mempunyai kewangan teguh dan pengurusan profesional yang diberi kebenaran mengendalikan KR1M 2.0 supaya tidak berlaku masalah pada masa akan datang.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia